



IKLAN JAWATAN KOSONG

**BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Permohonan adalah dipelawa daripada pegawai yang sedang berkhidmat atau pemohon pemohon baharu untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut di BIRO KAWALAN NARKOTIK, Jabatan Perdana Menteri.

**PENOLONG PEGAWAI NARKOTIK II
(BKN 1-2 EB 3: \$650 EB Khas \$1,350)**

SYARAT SYARAT KELAYAKAN:

1. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon mempunyai pengetahuan rasmi agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
3. i. Lulus dengan kepujian / kredit dalam dua (02) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan (GCE 'A' Level) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau pengalaman dalam bidang penguatkuasaan undang undang adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

- ii. Telah berkhidmat di Biro Kawalan Narkotik jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji D.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji E.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji E.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

4. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.
5. Mempunyai pengalaman dalam bidang pengatkuasaan undang-undang adalah merupakan satu kelebihan

SYARAT SYARAT LAIN:

6. Bersedia untuk bertugas bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas dimana mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
7. Syarat syarat lain adalah dikawal oleh peraturan peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

CARA PERMOHONAN / MAKLUMAT:

1. Semua permohonan adalah melalui mengisi borang BKN 212
2. Borang BKN 212 boleh didapati di laman sesawang www.narcotics.gov.bn atau melalui kod QR yang disediakan. Borang hendaklah dikembalikan ke Bahagian Urusetia dan Perhubungan Awam, Ibu Pejabat Biro Kawalan Narkotik pada tarikh yang telah ditetapkan bersama sama dengan salinan sijil, surat surat akuan yang lengkap dan diakui sah, sijil sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, permohonan mestilah melalui Ketua Jabatan dan mengandungi surat sokongan Ketua Jabatan berkenaan beserta salinan prestasi dan rekod perkhidmatan.
4. Permohonan yang diterima lewat dari tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.
5. Permohonan yang disenarai pendek sahaja yang akan dipertimbangkan untuk proses ujian bertulis, ujian kecergasan dan temuduga.
6. Borang permohonan hendaklah dikembalikan pada tarikh yang telah ditetapkan kepada:

**PENGARAH BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN TUNGKU GADONG
BANDAR SERI BEGAWAN BE 2010
TEL.: 2448877**

**TARIKH MENGEMBALIKAN BORANG: 30, 31 JANUARI DAN 1 FERUARI 2023
TARIKH TUTUP IKLAN: 1 FERUARI 2023 @ 3.00 PETANG**